



**INTERNATIONAL JOURNAL OF  
HUMANITIES, PHILOSOPHY  
AND LANGUAGE (IJHPL)**

[www.ijhpl.com](http://www.ijhpl.com)



**KEBERKESANAN MODUL PEMBELAJARAN SUBJEK  
BALAGHAH DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI AWAM  
MALAYSIA**

***EFFECTIVENESS OF THE LEARNING MODULE FOR THE BALAGHAH  
SUBJECT AT HIGHER LEARNING INSTITUTES IN MALAYSIA***

Mohamad Syukri Abdul Rahman<sup>1</sup>, Muhammad Daoh<sup>2</sup>, Ahmad Redzaudin Ghazali<sup>3</sup>, Mohamad Rofian Ismail<sup>4</sup>, Mohd Izzuddin Mohd Pisol<sup>5</sup>, Nurfida'iy Salahuddin<sup>6</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.  
Email: syukri@kuis.edu.my

<sup>2</sup> Fakulti Pendidikan dan Sains Sosial, Universiti Selangor (UNISEL), Malaysia.  
Email: muhammad66@unisel.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia  
Email: redzaudin@kuis.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Pengajian Peradaban Islam, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), Malaysia.  
Email: mohdrofian@kuis.edu.my

<sup>5</sup> Fakulti Pendidikan, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)  
Email: mohdizzuddin@kuis.edu.my

<sup>6</sup> Pembantu Penyelidik  
Email: fidaiy13@yahoo.com

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 01.03.2021

Revised date: 15.03.2021

Accepted date: 06.04.2021

Published date: 15.06.2021

**To cite this document:**

Abdul Rahman, M. S., Daoh, M., Ghazali, A. R., Ismail, M. R., Pisol, M. I. M., & Salahuddin, N. (2021). Keberkesanan Modul Pembelajaran Subjek Balaghah di Institusi Pengajian Tinggi Awam Malaysia. International

**Abstrak:**

Balaghah merupakan salah satu komponen utama dalam kesusasteraan Arab yang wajib dipelajari oleh pelajar jurusan Bahasa Arab sama ada sebagai subjek major, minor, wajib atau elektif dalam sesebuah institusi. Tambahan pula, ia merupakan elemen penting dalam proses penguasaan Bahasa Arab dengan baik. Namun begitu, kegagalan pelajar dalam menguasai subjek ini dengan baik menjadi satu isu dimana ketiadaan modul Balaghah yang khusus untuk para pelajar. Oleh itu, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti ciri-ciri modul pembelajaran subjek Balaghah di IPT Malaysia, menilai keberkesanan modul pembelajaran subjek Balaghah di IPT Malaysia dan mencadangkan ciri-ciri dan reka bentuk modul subjek Balaghah untuk pelajar IPT berdasarkan dapatan kajian. Berdasarkan kajian ini, mendapati bahawa kemampuan pelajar dalam menguasai ilmu balaghah berada pada tahap yang lemah kerana pendekatan, strategi dan metode pengajarannya kurang efektif dan sesuai di kalangan pelajar IPTA. Sehubungan itu, satu modul Balaghah

Journal of Humanities, Philosophy and Language, 4 (14), 01-15.

DOI: 10.35631/IJHPL.414001.

This work is licensed under [CC BY 4.0](#)



harus dibina dan diperkenalkan bagi mewujudkan keselarasan antara IPT di Malaysia dalam subjek ini. Ini kerana, terdapat banyak IPT tidak mempunyai modul Balaghah yang tersendiri iaitu sistem pengajaran yang teratur dalam subjek ini. Hal ini membawa kepada kelomongan dalam pengajaran Balaghah itu sendiri. Selain itu, satu pendekatan pengajaran yang berkesan perlu dirangka dan disusun semula agar objektif pengajaran dan pembelajaran ilmu balaghah ini tercapai.

### Kata Kunci:

Pendekatan, Pengajaran, Modul, Balaghah, IPTA

### Abstract:

Balaghah is one of the main components in Arabic literature and it is mandatory for every student of the Arabic language at any learning institution to learn it either as a major or minor subject, compulsory or elective. In addition, learning Balaghah is also a crucial element in the process of mastering the Arabic language. However, students' inability to master this subject has become an issue due to the absence of a specific Balaghah module prepared for them. Therefore, this study aims to identify the features of a learning module for the Balaghah subject at the Institutes of Higher Learning in Malaysia, evaluate the effectiveness of the learning module, and propose features and framework of the module based on the research findings. The findings of the study show that students' ability to master the knowledge of Balaghah is at a low level and this is due to the approach, strategy, and teaching method that is not so effective and suitable for students of Public Higher Learning Institutions. In line with that, a Balaghah module has to be developed and introduced in order to create coordination for this subject among the Institute of Higher Learning in Malaysia. This is because there are many Institutes of Higher Learning that do not have a specific module for the Balaghah subject. This directly creates a vacuum in the teaching of Balaghah itself. Besides that, an effective teaching approach has to be planned and reorganized so that the teaching and learning objective of Balaghah can be achieved.

### Keywords:

Approach, Teaching, Module, Balaghah, Institutes Of Higher Learning

## Pengenalan

Ilmu Balaghah adalah salah satu komponen ilmu berasaskan kesusastraan Arab yang diwajibkan kepada pelajar sarjana muda bahasa Arab di IPTA mahupun IPTS. Dalam konteks pengajian tinggi di Malaysia, ilmu Balaghah telah menjadi salah satu subjek yang diajar di institusi tersebut bagi pelajar yang mengambil jurusan bahasa Arab sama ada sebagai subjek major, minor, wajib atau elektif. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengetahui keberkesanan modul pembelajaran subjek Balaghah terhadap responden yang mengambil subjek Balaghah di IPTA Malaysia.

## Penyataan Masalah

Ilmu Balaghah merupakan satu cabang ilmu yang tidak asing lagi dalam pembelajaran bahasa Arab juga merupakan elemen penting dalam proses penguasaan bahasa Arab dengan baik. Menurut Zulkahairi (2010), ilmu ini mula berkembang di Malaysia sejajar dengan perkembangan bahasa Arab di Malaysia. Hal ini kerana ilmu Balaghah adalah salah satu komponen yang penting dalam bahasa Arab selain daripada komponen-komponen yang lain

seperti Nahu (Tatabahasa), Sarf (Morfologi) dan sebagainya. Ilmu Balaghah ini penting dalam bahasa Arab bagi memudahkan pemahaman terhadap sesuatu teks Arab kerana bahasa Arab ialah bahasa yang unik dan penuh gaya bahasa sastera.

Kedudukan ilmu ini sebagai komponen bahasa Arab semakin kukuh apabila mata pelajaran bahasa Arab diterima dalam kurikulum kebangsaan untuk dipelajari oleh pelajar aliran agama sekolah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Walaubagaimanapun tahap penguasaan Balaghah di peringkat sekolah menengah mungkin di universiti masih pada tahap membimbangkan. Berdasarkan kajian Anuar (2010), kebanyakan pelajar mengakui kemampuan mereka dalam menguasai ilmu Balaghah masih di tahap yang lemah terutama ketika melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi.

Hal ini mungkin berpunca daripada strategi pengajaran yang kurang berkesan merupakan faktor yang menyumbang kepada kelemahan pelajar dalam menguasai dan memahami Balaghah dengan baik. Menurut Abd Halim Ariffin (1999:4) teknik ceramah dan bersyarah barangkali perlu dikurangkan dan ditambahkan dengan aktiviti-aktiviti berfikir dan ketrampilan berbahasa. Manakala, Abdullah Tahmim (1999:36) menyatakan bahawa apa yang diperhatikan dalam pengajaran ilmu Balaghah di sekolah-sekolah di Malaysia ialah contoh-contoh yang sukar difahami maknanya, contoh-contoh lama daripada bait-bait syair yang sememangnya lebih sukar bahasanya kalau dibandingkan dengan bahasa prosa.

Selain itu, kurikulum subjek Balaghah itu sendiri, pendekatan, strategi serta metode pengajarannya yang kurang efektif. Kesannya, proses dan hasil pembelajaran tidak seperti yang diharapkan. Pengajaran subjek Balaghah juga dilihat terlalu mementingkan definisi dan kaedah. Abd Rahim Ismail (1999:185) menyatakan bahawa orientasi pengajaran yang dilaksanakan pada masa kini dilihat terlalu menekankan kaedah-kaedah dan tidak banyak menyumbang ke arah pemupukan cita rasa sastera dan perkembangan keupayaan bahasa di kalangan para pelajar.

Oleh itu, faktor utama yang boleh dilihat disini adalah ketiadaan modul Balaghah yang digubal khusus untuk para pelajar tersebut. Justeru itu, bagi menyelesaikan isu ini, pengkaji merasakan perlunya kepada kajian sistematik yang dapat membantu memperincikan ciri-ciri modul ilmu Balaghah yang diperlukan oleh pelajar sarjana muda bahasa Arab dan tenaga pengajar berdasarkan keperluan mereka.

### Objektif Kajian

Kajian ini secara umumnya bertujuan mengkaji penilaian keberkesanan modul pembelajaran subjek Balaghah di IPT Malaysia. Bagi mencapai tujuan ini, terdapat beberapa objektif khusus yang ditetapkan dalam kajian ini iaitu:

- i. Mengenalpasti ciri-ciri modul pembelajaran subjek Balaghah di IPT Malaysia.
- ii. Menilai keberkesanan modul pembelajaran subjek Balaghah di IPT Malaysia.
- iii. Mencadangkan ciri-ciri dan reka bentuk modul subjek Balaghah untuk pelajar IPT berdasarkan dapatan kajian.

### Persoalan Kajian

Beberapa persoalan perlu diberi perhatian oleh tenaga pengajar subjek Balaghah dalam mempertingkatkan mutu pengajaran iaitu:

- i. Apakah ciri-ciri modul pembelajaran subjek Balaghah di IPT Malaysia.
- ii. Sejauh manakah keberkesanan modul pembelajaran subjek Balaghah di IPT Malaysia.
- iii. Apakah ciri-ciri dan reka bentuk modul subjek Balaghah untuk pelajar IPT berdasarkan dapatan kajian.

### **Kepentingan Kajian**

Dapatan kajian yang diperolehi boleh dijadikan panduan atau asas setiap pensyarah yang mengajar subjek Balaghah di setiap IPT di Malaysia. Berdasarkan dapatan kajian, satu reka bentuk modul subjek Balaghah untuk pelajar IPT dirangka dan direka untuk meningkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran pensyarah dan pelajar yang mengambil subjek ini. Cadangan yang dikemukakan diharapkan dapat menjadi panduan kepada semua IPT di Malaysia dalam memperbaiki kelemahan yang wujud serta boleh memantapkan lagi kelebihan dan kekuatan yang sedia ada.

### **Batasan Kajian**

Kajian ini berasaskan kepada beberapa batasan.

- i. Penyelidikan ini menfokuskan kepada keberkesanan modul pembelajaran subjek Balaghah di IPT Malaysia.
- ii. Responden utama kajian ini adalah pelajar IPT di Malaysia yang mengambil subjek Balaghah.

### **Metodologi Kajian**

#### ***Reka Bentuk Kajian***

Kajian ini merupakan satu tinjauan yang bertujuan untuk mengkaji keberkesanan modul pembelajaran subjek Balaghah. Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan berbentuk deskriptif, iaitu tinjauan bermatlamat untuk mengumpulkan maklumat mengenai pemboleh ubah-pembolehu bah yang berkait dengan suatu fenomena tanpa menyatakan mengapa pemboleh ubah tersebut wujud (Mohd Majid Konting, 2005: 101-102). Ia dianggap sebagai kajian deskriptif kerana ia bermatlamat tinjauan atau penerokaan bagi menerangkan fenomena yang sedang berlaku (Mohd Majid Konting, 2005 :96- 98 dan Azhar Harun dan Nawi Abdullah).

#### ***Instrumen Kajian***

Satu Instrumen utama kajian ini telah dibina dan digunakan oleh penyelidik dalam kajian ini:

- a) ***Borang soal selidik pelajar***: Satu set borang soal selidik telah dibina bagi melihat penilaian pelajar terhadap keberkesanan modul pembelajaran subjek Balaghah di IPT Malaysia.

#### ***Lokasi Kajian***

Kajian ini dilakukan di IPT Malaysia dengan melibatkan lima buah institusi terpilih iaitu:-

- 1) Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
- 2) Universiti Malaya (UM)
- 3) Universiti Putra Malaysia (UPM)
- 4) Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)
- 5) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

### Kaedah Persampelan

Persampelan berkaitan dengan proses memilih sebilangan subjek daripada sesuatu populasi untuk dijadikan sebagai responden kajian (Chua Yan Piaw, 2006:179). Bagi instrumen soal selidik, kajian ini akan melibatkan seramai 236 pelajar bahasa Arab di IPTA seluruh Malaysia. Pada asasnya, pemilihan IPTA dan sampel kajian dilakukan berdasarkan kepada IPTA yang menawarkan subjek Balaghah. Oleh itu, kajian ini akan menumpukan kepada pelajar yang mengambil subjek Balaghah. Secara keseluruhan, dapat disimpulkan bahawa dalam menjalankan kajian ini penyelidik menggunakan persampelan gugus (Asmah Haji Omar, 2002:59).

### Analisis Data

Penganalisaan data merupakan proses pengukuran. Berdasarkan pandangan Mohd Majid Konting (2005), pengukuran merupakan proses pemberian nilai dengan nombor kepada cerapan-cerapan supaya nombor-nombor tersebut boleh dianalisis dengan cara manipulasi atau operasi mengikut peraturan tertentu. Dalam kajian ini data-data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan program *SPSS for Windows (Version 24.0)*. Data-data daripada borang soal selidik dianalisis dengan menggunakan statistik deskriptif seperti peratus, min sisihan piawai terutama yang berkaitan dengan latar belakang sampel dan juga persepsi sampel terhadap item-item atau pemboleh-pemboleh ubah kajian.

### Kajian Rintis

Kajian rintis merupakan satu percubaan kajian yang dibuat ke atas bilangan sampel yang kecil sebelum kajian sebenar dilakukan. Ia adalah bertujuan untuk meneliti, membaiki, meningkatkan kesahan dan keboleh percayaan soal selidik sebenar dan mengatasi masalah dalam menjalankan kajian (Erawati 2005; Farenkel dan Wallen 1993). Oleh itu, ujian keboleh percayaan dilakukan bagi menguji keboleh percayaan alat ukuran yang digunakan. Mengikut kaedah statistik, semakin hampir nilai *Alpha Cronbach* ( $\alpha$ ) kepada 1, maka semakin tinggi ketekalan dalamannya. Jadual 1.1 menunjukkan nilai keboleh percayaan alat ukuran.

**Jadual 1.1 Nilai Alpha Cronbach Dan Keboleh Percayaan Alat Ukuran**

Nilai alpha cronbach ( $\alpha$ )	Indikator
>0.90	Sangat Tinggi
0.70 – 0.89	Tinggi
0.30 – 0.69	Sederhana
<0.29	Rendah

Sumber: Kirk, 1984; Babbie, 1992

Kajian rintis telah dijalankan di peringkat awal di Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) pada 7 April sehingga 7 Mei 2017 yang bertujuan untuk menguji keboleh percayaan item-item yang terkandung di dalam soal selidik. Berikut dinyatakan golongan responden yang terlibat dalam kajian rintis seperti jadual 1.2.

**Jadual 1.2 Responden Kajian Rintis**

Institusi / jantina	Lelaki	Perempuan	Jumlah
KUIS	12	18	30 orang

Sumber: Soal selidik, April 2017.

Secara purata para responden mengambil masa kira-kira 5 hingga 10 minit untuk memberi jawapan kepada soal selidik berkenaan. Semua soal selidik yang diisi telah dikumpulkan untuk di analisis menggunakan *Statistical Package For The Social Science (SPSS) for windows (version 24.0)*. Segala maklumat yang diperolehi dicatatkan dan diteliti bagi usaha-usaha penambah baikan instrumen. Hasil daripada analisis kajian rintis yang dilakukan, maka keputusan Alpha Cronbach adalah seperti dalam senarai jadual 1.3.

**Jadual 1.3 Nilai Pekali Keboleh Percayaan *Alpha Cronbach* Bagi Pelajar**

Aspek	Bil. Item	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	Interpretasi
Persepsi pelajar	12	0.89	Tinggi
Keberkesanan modul	19	0.83	Tinggi

Sumber: Soal selidik, April 2017.

### Kajian Tinjauan

#### ***Penguasaan Balaghah Dalam Kalangan Pelajar IPT***

Pembelajaran ilmu Balaghah di Malaysia berdasarkan sukanan pelajaran yang telah ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bermula tingkatan empat bagi pelajar Sekolah Menengah Agama. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Sohair Bakar (1999), mendapati bahawa penguasaan ilmu Balaghah dalam kalangan pelajar amat rendah dan tidak diminati pelajar.

Hal ini masih berlaku walaupun Balaghah Arab telah didedahkan kepada pelajar dalam pendidikan bahasa Arab semenjak di tingkatan empat. Menurut beliau, antara faktor yang menyebabkan kelemahan tersebut ialah proses pengajaran Balaghah yang terlalu mementingkan definisi serta kaedah, baik semasa pembelajaran atau dalam peperiksaan.

Menurut kajian yang dibuat oleh Anuar Sopian (2013) mendapati bahawa tahap penguasaan pelajar agak lemah kerana mereka kurang berminat dan tidak mempunyai kesedaran tinggi tentang kepentingan ilmu Balaghah. Selain itu, mereka kurang keinginan untuk mendalami ilmu Balaghah tersebut.

Kajian terhadap penguasaan pelajar turut dijalankan oleh Raja Hazirah (2012) yang mendapati tahap penguasaan pelajar IPT terhadap mata pelajaran ini berada di tahap rendah dan sederhana, manakala tahap motivasi dan kecenderungan mereka untuk menguasai ilmu ini adalah tinggi. Menurut kajian beliau lagi, pelajar masih belum dapat menguasai ilmu ini dengan sebaik-baiknya, walaupun mereka telah memperolehi pencapaian yang baik dan cemerlang dalam peperiksaan.

Berdasarkan kajian-kajian yang dibincangkan menunjukkan kelemahan yang dihadapi oleh pelajar dalam penguasaan ilmu Balaghah dalam semua peringkat pengajian walaupun tahap motivasi dan kecenderungan mereka dalam menguasai ilmu tersebut adalah tinggi. Justeru itu, isu ini perlu diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat dalam pelbagai aspek kerana kelemahan ini masih belum dapat diatasi.

### ***IPT Yang Menawarkan Kursus Balaghah***

Umumnya, subjek Balaghah ditawarkan di IPT yang mempunyai program pengajian dalam bidang Bahasa Arab, bagaimanapun tidak semua IPT tersebut menawarkan subjek Balaghah kerana ia dianggap sebagai subjek yang sukar dikuasai oleh pelajar. Antara universiti yang menawarkan kursus Balaghah ialah:

1. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)
2. Universiti Putra Malaysia (UPM)
3. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
4. Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA)
5. Universiti Malaya (UM)
6. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
7. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)
8. Kolej Universiti Insaniah (KUIN)
9. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)
10. Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS)
11. Kolej Islam Antarabangsa Sultan Ismail Petra (KIAS)

### ***Kepentingan Memperkenalkan Model Strategi Pengajaran Balaghah Di IPT***

Walaupun telah didedahkan dengan ilmu Balaghah pada peringkat menengah lagi, namun para pelajar dilihat masih gagal menguasai dan memahami matlamat pembelajaran ilmu ini. Kemahiran mereka juga tidak berkembang selaras dengan tahap mereka di peringkat IPT. Keindahan cita rasa dan sastera arab juga tidak mampu dirasai. Pelajar juga didapati lemah dalam aspek aplikasi dan tidak cenderung menggunakan ungkapan-ungkapan yang mengandungi nilai seni dan estetika yang tinggi, dalam penulisan dan pertuturan mereka. (Raja Hazirah, 2012).

Selain itu, sesetengah metod pengajaran hanya berkisar aspek pengetahuan tentang definisi, contoh dan pembahagian, dengan mengabaikan aspek aplikasi dan analisis. Metod yang berbentuk memberi pengetahuan tanpa mengemukakan kaedah atau cara untuk membina ayat-ayat puitis, mengabaikan aspek aplikasi serta tidak cenderung untuk menjawai keindahan dan kepuitisan sesebuah ungkapan atau bahasa yang mengandungi nilai sastera dan estetika yang tinggi.

Azhar (2008) menyatakan bahawa walaupun seseorang guru tidak semestinya terikat dengan mana-mana pendekatan atau langkah pengajaran, namun guru juga perlu melihat kepada beberapa asas, objektif dan matlamat pengajaran dalam setiap mata pelajaran yang diajar. Beliau turut menyebut pandangan sarjana bahawa pengukuran sebenar kejayaan pelajar dalam pembelajaran Balaghah bukan semata-mata diukur berdasarkan apa yang berjaya dihafal oleh pelajar, namun kemampuan mereka mengesan kekuatan dan keindahan yang terdapat dalam sesebuah teks atau ungkapan.

Justeru itu, strategi pengajaran yang baik dan berkesan perlu disusun ke arah mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran seperti mana yang diharapkan (Shuhaida Hanim, 2014). Beliau juga mendapati penyelidikan mengenai strategi pengajaran dan pembelajaran khusus untuk subjek Balaghah di peringkat IPT masih kurang dijalankan di Malaysia sedangkan strategi yang baik dan berkesan yang akan menentukan keberkesanan proses pembelajaran dan pengajaran.

### **Keperluan Pelajar IPT Terhadap Pembangunan Modul Balaghah**

Menurut kajian Ahmad Redzaudin (2016), ketiadaan modul yang khusus bagi pembelajaran Balaghah menyebabkan pelajar lemah dalam menguasai ilmu tersebut. Sejajar dengan itu, satu kajian telah dilakukan untuk melihat keperluan pelajar di peringkat IPT terhadap pembangunan modul Balaghah. Dapatkan kajian menunjukkan para belajar sangat bersetuju agar pembinaan modul itu dapat dibangunkan dengan beberapa ciri ciri tertentu.

Para pelajar juga bersetuju agar modul yang dibina itu dibangunkan oleh kepakaran daripada pakar tempatan, hal ini bertepatan dengan pandangan al-Qasimi (1979) dan al-Raqb (2014) yang melihat perlunya buku atau modul ditulis berdasarkan kepada situasi dan persekitaran pelajar yang sebenar.

Selain itu, objektif pembinaan modul perlu dititikberatkan bagi mencapai matlamat sebenar pembangunan modul tersebut, ini selari dengan kajian Azhar (2006) bahawa objektif modul adalah penentu kepada kejayaan pencapaian pelajar kerana pengajaran dan pembelajaran Balaghah yang tersasar dari konsep asal menyebabkan objektif tidak berjaya dicapai sepenuhnya.

Dapatkan kajian juga mendapati bahawa faktor teks juga boleh mempengaruhi minat pelajar terhadap pembelajaran Balaghah, hal ini bertepatan dengan kajian Kamarulzaman (2010) yang melihat penyediaan teks bacaan bahasa Arab yang kurang sesuai dengan tahap dan kebolehan pelajar mungkin boleh menghilangkan minat dan motivasi mereka untuk mendalami bahasa ini.

### **Ciri-Ciri Modul Balaghah Terhadap Keperluan Pelajar IPT**

Modul merupakan salah satu bentuk bahan ajar yang dibina dengan lebih tersusun dan sistematik, didalamnya merangkumi tajuk-tajuk yang terperinci dan disusun untuk membantu pelajar-pelajar menguasai pembelajaran dengan lebih baik. Dalam usaha untuk menghasilkan modul yang baik dan mampu meningkatkan motivasi pelajar dalam menguasai ilmu Balaghah, ciri-ciri pembinaan modul harus dititik beratkan. Antara ciri-ciri yang perlu ada dalam pembinaan modul ialah:

1. *Self Instruction*: Merupakan ciri yang terpenting dalam sesuatu modul, dengan ciri tersebut membolehkan seseorang pelajar mampu untuk belajar menggunakan modul secara bersendirian.
2. *Self Contained*: Modul dikatakan self contained sekiranya semua topik-topik pembelajaran terkandung dalam modul tersebut.
3. *Stand Alone*: Merupakan ciri-ciri modul yang tidak bergantung kepada bahan ajar yang lain dan dengan menggunakan modul, pelajar-pelajar tidak perlu bahan lain untuk mempelajari atau membuat latihan pada modul tersebut.
4. *Friendly User*: Modul yang baik seharusnya memenuhi kriteria *friendly user*. Setiap interaksi dan informasi yang dinyatakan dalam modul bersifat membantu pelajar. Penggunaan bahasa yang sederhana, mudah difahami, serta menggunakan istilah yang umum digunakan, merupakan salah satu bentuk *user friendly*.

### **Kajian Lepas**

Menurut kajian Nor Syazwani Armuji (2014) mengenai “Pembelajaran Balaghah di Peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) di Selangor” bertujuan untuk melihat cara dan kaedah pembelajaran ketika mempelajari subjek Balaghah di sekolah, mendapati para pelajar

memberikan respon yang positif dan mereka mempunyai persepsi serta minat yang mendalam terhadap ilmu Balaghah. Oleh itu, bagi memastikan para pelajar dapat menguasai ilmu Balaghah dengan sebaik mungkin, beberapa langkah dan cadangan boleh diperhatikan dan dinaik taraf oleh pengurusan sekolah, para guru serta pelajar.

Kajian berkaitan Kepentingan Memperkenalkan Model Strategi Pengajaran Balaghah Peringkat IPT Di Malaysia oleh Shuhaida Hanim Mohamad Suhane (2014) bertujuan untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat. Walau bagaimanapun, kajian mendapat bahawa tahap penguasaan pelajar peringkat IPT terhadap ilmu ini berada pada tahap rendah dan sederhana, sedangkan minat dan motivasi pelajar untuk menguasainya adalah tinggi. Justeru itu, strategi pengajaran yang baik dan berkesan perlu disusun dan dirangka demi mencapai matlamat pengajaran dan pembelajaran ilmu ini.

Menurut Raja Hazirah Raja Sulaiman (2014) mengenai kajian “Keberkesanan Metode Perbandingan Retorika Melayu Dan Arab Untuk Meningkatkan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Balaghah” adalah bertujuan untuk meninjau keberkesanan metode perbandingan retorik Melayu dan Arab bagi meningkatkan minat pelajar dalam pembelajaran Balaghah. Hasil tinjauan awal mendapat pelajar masih lemah dalam menguasai Balaghah dan kurang minat terhadap bidang ini. Untuk mengatasi masalah ini beliau telah melaksanakan kaedah perbandingan antara Retorik Melayu dan Arab dalam proses pengajaran. Dapatkan kajian menunjukkan perubahan yang positif kepada pelajar. Pada akhir kuliah, pelajar menunjukkan peningkatan dalam penguasaan Balaghah dan jelas minat mereka terhadap bidang ini juga meningkat dengan mendadak.

Manakala, kajian yang dibuat oleh Anuar Sopian (2013) mengenai “Penguasaan dan Permasalahan Pelajar Terhadap Pengajian Ilmu *Balaghah*: Satu Tinjauan Awal” bertujuan untuk melihat persepsi, permasalahan dan penguasaan pelajar Sekolah Menengah Agama (SMKA) dan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Terdapat beberapa masalah yang dikenal pasti dihadapi oleh para pelajar yang boleh mengganggu mereka untuk menguasai ilmu ini. Beberapa langkah dicadangkan bagi memantapkan penguasaan pelajar terhadap ilmu ini turut dikemukakan dalam kajian ini.

Menurut Mohamad Syukri Abdul Rahman et. al. (2010) berkaitan penilaian pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di SABK Negeri Selangor mendapat responden kajian dalam kalangan murid mempunyai persepsi yang sangat baik terhadap peranan guru bahasa Arab, kepentingan bahasa Arab, pengajaran yang dapat meningkatkan minat dan kemampuan penggunaan serta sesuai dengan kemampuan mereka. Responden kajian menyatakan bahawa guru-guru merupakan pendorong utama dan sering memberi galakan dalam pembelajaran bahasa Arab. Murid-murid pula mengetahui kepentingan bahasa Arab untuk memahami ajaran Islam serta berbangga dapat mempelajarinya. Mereka juga merasakan pembelajaran dalam kelas dapat menambahkan penguasaan perbendaharaan kata sekaligus meningkatkan kemampuan menggunakan bahasa Arab dalam kehidupan seharian. Namun kajian juga mendapat responden kajian memberikan persepsi yang sangat tidak baik apabila menyatakan bahawa pihak sekolah memandang ringan terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, begitu juga apabila mereka memberikan pernyataan bercanggah dengan merasakan bahawa mempelajari bahasa Arab merugikan masa. Kajian juga mendapat bahawa kaedah pengajaran bahasa Arab di SABK perlu diberikan perhatian terutama dari aspek mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran guru terhadap perkembangan dan kemajuan teknik pengajaran agar keberkesanan pengajaran bahasa Arab dapat direalisasikan

memandangkan para pelajar terdiri dari latar belakang dan kemampuan yang berbeza. Dari sudut penggunaan bahan bantu mengajar kajian mendapati guru-guru yang mengajar bahasa Arab di (SABK) amat cenderung menggunakan (BBM) yang sedia ada di dalam kelas seperti papan tulis, buku teks, kamus dan buku kerja. Manakala penggunaan (BBM) yang berkaitan dengan ICT seperti blog, komputer, laman sesawang dan internet serta alat pandang dengar kaset, radio, filem dan projektor amat kurang digunakan. Permasalahan ini adalah berpunca daripada bilangan (BBM) yang disediakan agak terhad. Selain itu, kurangnya minat dan kemahiran guru di dalam menggunakan peralatan ICT juga menjadi penyumbang kepada kurangnya penggunaan peralatan tersebut.

Azman Che Mat dan Goh Ying Soon (2010) dalam kajian Azman (2005) mendapati pelajar minat mengambil mata pelajar bahasa Arab di UITM Terengganu dan KUSZA. Pendorong utama mereka mempelajari bahasa Arab kerana tidak mempunyai pilihan lain. Masalah utama yang menjadi kesukaran dalam pembelajaran bahasa Arab adalah Nahu. Selain itu, kefahaman guru terhadap amalan komunikatif berada pada tahap sederhana. Majoriti guru mempunyai kefahaman positif terhadap konsep PdP berpusatkan murid, pembelajaran bahasa bertujuan komunikatif, pengajaran bahasa menekankan makna dan peranan guru dalam pendekatan komunikatif. Penulis juga mendapati penekanan pendekatan komunikatif menunjukkan aras sederhana di samping kekurangan modul pengajaran Bahasa Arab Komunikasi berdasarkan komunikatif. Antara halangan yang mengganggu PdP bahasa Arab yang berkesan ialah pengajaran yang berorientasikan peperiksaan dan terlalu bergantung kepada buku teks serta pengajaran bersifat tradisional. Dapatkan juga menunjukkan minat, motivasi dan sikap pelajar terhadap ilmu Nahu berada pada tahap sederhana.

Kajian Azhar Muhammad (2008) berkaitan “Sudut Perbezaan Mata Pelajaran Balaghah Peringkat SPM dan STPM Mempengaruhi Perkaedahan dan Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran” bertujuan untuk menyingkap perbezaan antara mata pelajaran Balaghah dalam Sijil Pelajaran Malaysia (SPM ) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM ). Perbezaan akan dilihat dalam pelbagai sudut seperti pengajaran, pembelajaran, sukanan dan buku teks yang digunakan. Ketidakaksamaan ini memperlihatkan pengajaran dan pembelajaran Balaghah dalam sistem pendidikan bahasa Arab di Malaysia tidak ada kesinambungan antara satu tahap pengajaran dengan tahap berikutnya menyebabkan timbul salah faham di kalangan pelajar. Cadangan dikemukakan bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran al-Balaghah dilaksanakan dalam usaha menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran ini.

### Rumusan Dapatan Kajian

Bahagian ini membincangkan hasil rumusan dapatan kajian yang dijalankan. Populasi kajian ini terdiri daripada 236 orang pelajar IPT di Malaysia sebagai sampel kajian. Semua responden mempunyai pelbagai latar belakang demografi seperti nama institusi, jantina, latar belakang pendidikan menengah, tahap pendidikan sebelum ke peringkat sarjana muda, Semester pengajian, tahap PNGK, Semester yang menawarkan subjek Balaghah dan minat terhadap Balaghah. Secara keseluruhannya kajian ini merumuskan beberapa perkara seperti berikut:

#### Latar Belakang Pelajar

- i. Kajian ini melibatkan seramai 236 orang pelajar yang mewakili lima institusi pengajian tinggi awam (IPTA) iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Malaya (UM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA). IPTA UNISZA merupakan institusi yang paling ramai dilibatkan dalam kajian iaitu seramai 86 (36.4%)orang responden.

Seterusnya, diikuti dengan UKM dan UM seramai 46 orang (19.5%) responden. Manakala USIM pula adalah seramai 44 orang (18.6%) responden dan UPM adalah seramai 14 orang (5.9%) responden.

- ii. Jantina: Responden terdiri daripada perempuan iaitu sebanyak 182 orang (77.1%) dan responden lelaki adalah seramai 54 orang (22.9%).
- iii. Latar belakang pendidikan menengah: Responden yang bersekolah di Sekolah Agama Bantuan Kerajaan seramai 113 orang (47.9%), Sekolah Menengah Kebangsaan Agama seramai 68 orang (28.8%) responden, Lain-lain seramai 27 orang (11.4%) responden, Sekolah Agama (SWASTA) seramai 16 orang (6.8%) dan Sekolah Menengah Aliran Agama iaitu seramai 12 orang (5.1%) responden.
- iv. Tahap pendidikan: Responden daripada STAM seramai 130 orang (55.1%), SPM seramai 67 orang (28.4%) responden, Diploma seramai 32 orang (13.6%), Lain-lain seramai 5 orang (2.1%) dan peringkat asasi seramai 2 orang (0.8%).
- v. Semester pengajian: Responden yang berada di Semester 6 sebanyak 173 orang (73.3%), Semester 2 seramai 24 orang (10.2%) responden, Semester 8 pula seramai 16 orang (6.8%), Semester empat seramai 12 orang (5.1%), Semester 3 seramai 5 orang (2.1%) dan Semester 1, 5 dan 7 pula mencatatkan seramai 2 orang (0.8%).
- vi. Tahap pencapaian PNGK terkumpul: Responden yang mempunyai PNGK 3.01-3.50 seramai 100 orang (46.6%), PNGK 3.51-4.00 i seramai 98 orang (41.5%) responden, PNGK 2.51-3.00 seramai 24 orang (10.2%) dan PNGK 2.01-2.50 seramai 4 orang (1.7%) responden.
- vii. Semester pengajian Balaghah: Seramai 96 orang (40.7%) bagi Semester 2, seramai 90 orang (38.1%) di Semester 1, seramai 40 orang (16.9%) di Semester 6, Semester 3 pula seramai 9 orang (3.8%) dan Semester 5 hanya 1 orang iaitu (0.4%) sahaja.
- viii. Minat terhadap pembelajaran Balaghah: Seramai 148 orang (62.7%) responden berminat, seramai 64 orang (27.1%) responden sangat berminat, seramai 22 orang (9.3%) kurang berminat dan hanya seorang (0.4%) menunjukkan sangat tidak berminat.

### ***Persepsi Pelajar Terhadap Modul Pembelajaran Balaghah Di Seluruh IPTA***

Persepsi pelajar terhadap modul Balaghah di seluruh IPTA mengikut urutan adalah seperti berikut:

- i. Terdapat lima item berada pada tahap sangat tinggi iaitu saya yakin pengajian al-Balaghah dapat membantu saya memahami al-Quran dan hadis dengan lebih baik (4.50), saya yakin pengajian al-Balaghah dapat membantu saya memahami teks-teks arab dengan baik (min 4.37), saya tahu tujuan, faedah dan manfaat yang akan saya dapat jika mempelajari ilmu al-Balaghah (min 4.36), modul Balaghah yang akan dibina perlu menggunakan elemen pembelajaran interaktif (min 4.36) dan saya memerlukan modul Balaghah yang berbentuk analisis ayat-ayat al-Quran, hadis dan teks arab (min 4.34).
- ii. Manakala tujuh item berada pada tahap tinggi terdiri daripada saya suka mempelajari Balaghah dalam bahasa Arab (min 4.25), saya berminat jika cara penggunaan modul Balaghah adalah dimulai dengan analisis teks, huraian tajuk, petikan contoh dan diakhiri dengan kaedah (min 4.17), saya berminat dan sentiasa bersedia untuk mempelajari al-Balaghah ke peringkat yang lebih tinggi lagi (min 3.98), saya berminat dan sentiasa bersedia untuk mempelajari al-Balaghah ke peringkat yang lebih tinggi lagi (min 3.84), saya berminat jika modul Balaghah yang akan dibina ini menggunakan medium bahasa Melayu (min 3.77), saya mampu mengaplikasi tajuk-tajuk Balaghah yang dipelajari

dalam percakapan (min 3.72) dan saya mampu menganalisis tajuk-tajuk Balaghah yang dipelajari dalam teks (min 3.63).

Daripada dapatan di atas, jelas menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap modul Balaghah di seluruh IPTA berada pada tahap tinggi. Namun begitu, beberapa aspek juga perlu diberi perhatian iaitu pelajar masih kurang mampu untuk menganalisis tajuk-tajuk Balaghah yang dipelajari dalam teks secara menyeluruh.

### ***Keberkesanan Modul Pembelajaran Balaghah di seluruh IPTA***

Dapatkan keberkesanan modul pembelajaran Balaghah di seluruh IPTA berdasarkan urutan berikut:

- i. Pernyataan keberkesanan modul pembelajaran Balaghah menunjukkan dua item pada tahap sangat tinggi iaitu modul pembelajaran Balaghah yang akan dibina mestilah mempunyai objektif dan kaedah pengajaran yang bersesuaian dengan tahap pelajar (min 4.40) dan modul Balaghah yang saya pelajari mempunyai nilai-nilai terpuji (min 4.30).
- ii. Manakala terdapat tiga item berada pada tahap sederhana iaitu Isi kandungan modul Balaghah yang saya pelajari terlalu padat (min 3.49), pensyarah saya merujuk/memetik buku-buku tertentu daripada IPT tempatan dan luar negara tanpa mempunyai modul khusus (min 3.27) dan pensyarah saya merujuk/memetik buku-buku tertentu daripada IPT tempatan tanpa mempunyai modul khusus (min 3.18).

Dapatkan bagi keberkesanan modul pembelajaran Balaghah di seluruh IPTA secara keseluruhan adalah tinggi. Walau bagaimanapun, analisis menunjukkan bahawa hanya sedikit pensyarah merujuk buku-buku tertentu daripada IPT tempatan tanpa mempunyai modul khusus. Akan tetapi, perlu dilihat dan diambil kira juga bilangan responden yang paling ramai mengambil bahagian dalam penyelidikan ini adalah terdiri daripada IPTA yang mempunyai modul yang tersendiri dalam pengajian Balaghah.

### **Cadangan**

Terdapat beberapa cadangan ke arah penambahbaikan keberkesanan modul pembelajaran subjek Balaghah di IPTA Malaysia. Justeru itu, kajian ini melihat beberapa perkara perlu diambil perhatian, antaranya:

### **Peranan Pelajar**

Terdapat beberapa perkara yang boleh dilakukan dan dipraktikkan oleh pelajar dalam meningkatkan pemahaman dan pengetahuan subjek Balaghah. Antara cadangan tersebut ialah:

- i. Mewujudkan suasana pembelajaran bahasa Arab yang berterusan.  
Pelajar seharusnya menjadikan pembelajaran bahasa Arab bersifat berterusan dengan mewujudkan suasana bahasa Arab di mana-mana sahaja seperti di rumah, taman rekreasi, asrama atau di mana-mana sahaja. Hal ini kerana pembelajaran bahasa Arab memerlukan para pelajar sentiasa mempraktikkan penggunaan bahasa Arab supaya mereka akan lebih memahami seterusnya mampu untuk menggunakan bahasa Arab tersebut dalam komunikasi harian mereka.

ii. Penggunaan media dalam pembelajaran Balaghah

Penggunaan komputer dan internet dalam pembelajaran bahasa Arab mampu memberi kesan yang terbaik kepada pemahaman para pelajar sekiranya dimanfaatkan dengan sebaiknya. Penggunaan internet dalam pembelajaran subjek Balaghah banyak memberi manfaat kepada pelajar dalam mencari bahan pembelajaran tambahan dan alternatif untuk memahami bahasa Arab dengan lebih mendalam.

### **Pensyarah/ Tenaga Pengajar**

Cadangan kepada pensyarah dan tenaga pengajar adalah seperti berikut:

i. Keperluan multimedia dalam pembelajaran Balaghah

Penggunaan teknologi multimedia adalah sesuai bagi pembelajaran dan pengajaran ilmu Balaghah. Ini adalah kerana berdasarkan analisis dapatan temu bual dan maklum balas responden terhadap penilaian keberkesanan modul pembelajaran subjek Balaghah di IPTA Malaysia mendapat bahawa penggunaan elemen multimedia dalam pembelajaran Balaghah dapat menjadikan pembelajaran lebih efektif dan menyeronokkan. Terdapat banyak faedah daripada penggunaan elemen multimedia ini. Antaranya adalah:

- a) Mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran Balaghah.
- b) Dapat menangani masalah kurang minat terhadap subjek Balaghah dalam kalangan pelajar terutama pelajar yang lemah asas bahasa Arab.
- c) Menambahkan lagi bahan pembelajaran bahasa Arab.
- d) Sebagai sumber rujukan yang berbentuk medium elektronik kepada pelajar yang mempelajari Balaghah.

ii. Kritis dan kreatif

Pensyarah atau tenaga pengajar harus mempelbagaikan bahan pengajaran kerana ianya dapat membantu pelajar dalam memahami pelajaran Balaghah dengan lebih berkesan. Teknik pengajaran juga diperlukan seperti menggunakan bahasa yang difahami dan sederhana serta menggunakan teknik pembelajaran kendiri. Kepelbagaian kaedah dan teknik pengajaran ini akan menambahkan lagi kefahaman pelajar terhadap pembelajaran yang disampaikan di samping dapat menambahkan lagi minat mereka terhadap bahasa Arab.

### **Penutup**

Ilmu Balaghah merupakan salah satu komponen penting dalam mempelajari ilmu bahasa Arab. Oleh itu, kaedah pembelajaran Balaghah yang lebih efektif dan berkesan harus diperkenalkan agar pelajar lebih berminat dan cenderung untuk mempelajari ilmu ini. Berdasarkan kajian ini, satu modul Balaghah harus dibina dan diperkenalkan bagi mewujudkan keselarasan antara IPT di Malaysia dalam subjek ini. Ini kerana, terdapat banyak IPT tidak mempunyai modul Balaghah yang tersendiri iaitu sistem pengajaran yang teratur dalam subjek ini. Walhal terdapat ramai tenaga pengajar yang berkemahiran dan berpengalaman dalam ilmu Balaghah, namun masih terdapat kelompongan dalam pengajaran Balaghah itu sendiri. Oleh itu, adalah diharapkan sekiranya satu modul Balaghah dapat dibangunkan agar ianya menjadi panduan bagi kesemua IPT di Malaysia seterusnya dengan kajian ini diharap dapat memberi manfaat kepada semua pihak.

## Rujukan

- Abdul Hakim Abdullah (2003), Pengajaran Balaghah di Peringkat STPM di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA):Perlaksanaan dan Permasalahannya. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abd Halim Ariffin (1999), Pengajaran Ilmu Balaghah (Retorika) di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama di Bawah Kementerian Pendidikan. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Abdullah Tahmim (1999), Pengajaran Balaghah di Sekolah dan Pusat Pengajian Tinggi. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam. Tesis Doktor Falsafah. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ab. Rahim Hj. Ismail (1999), *Ta'līm al-Balaghah al-Arabiyyah fi Kulliyah al-Dirasat al-Islamiyyah*. Prosiding Seminar Balaghah (Retorika) Arab – Melayu. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Rasid Jamian dan Hasmah Ismail (2013), Pelaksanaan Pembelajaran Menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu. Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu; Malay Language Education (MyLEJ), 3(2).pp.49-63.
- Ahmad Kilani Mohamed (2001), Teori Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Ahmad Redzaudin Ghazali (2016), Analisis Keperluan Pembangunan Modul Balaghah Bagi Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab Sebagai Bahasa Kedua. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor Bangi, Selangor.
- Anon (2004), Ensiklopedia Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Anuar Sofian, Salmah Ahmad & Kaseh Abu Bakar (2013), Penguasaan dan Permasalahan Pelajar Terhadap Pengajaran Ilmu Balaghah: Satu Tinjauan Awal. Jurnal Islamiyyat. (Online) Available: <http://jurnalarticle.ukm.my/6872/1/4204-9684-1-SM.pdf> (accessed on April 20, 2016).
- Azhar, Muhammad (2008), Pendidikan Balaghah Arab di Malaysia. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Azhar Muhammad & Abdul Hafiz Bin Abdullah (2006), Penguasaan Pelajar Sekolah Menengah Aliran Agama Terhadap Pengajaran Ilmu Retorik Arab. Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia.
- Development Of An Interactive Teaching-Learning Technique Of Mathematics Based On The Eif Technique For The Primary Schools. University Teknologi Malaysia: Pusat Pengurusan Penyelidikan.
- Erawati Toelis (2005), Pengaruh Iklim Kerjasama, Motivasi Kerja Dan Gaya Kepimpinan Pengetua Terhadap Kepuasan Kerja Guru. Tesis Doktor Falsafah. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fraenkel, J.R & Wallen, N.E. (1993), How to Design and Evaluate Research in Education. Ed. 2. New York: McGraw Hill Inc.
- Husin Sulaiman Qurrah (Dr.), (t.t.), *Dirasat Tahliliyyah wa Mawaqif Tatbiqiyyah Fi Ta'līm al-Lughah al- 'Arabiyyah wa al-Din al-Islami*. Dar al-Maarif, Kaherah.
- Ibrahim Mustafa (2005). *Al-Mu'jam al-Wasīt*. Beirut: Dar Ihya Turath al-Arabi.
- Kamaruddin Mohammad Ali(2004), Pembangunan Perisian Multimedia Berasaskan Pembelajaran Berbantuan Computer Matematik Tingkatan Satu KBSM, Bagi Topik Nombor Bulat. Latihan Ilmiah Ijazah Sarjana Muda Sains Dan Komputer Serta Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.

- Kamarul Azmi Jasmi (2014), Sudut Perbezaan Mata Pelajaran Al-Balaghah Peringkat SPM Dan STPM Mempengaruhi Perkaedahan Dan Teknik Pengajaran Dan Pembelajaran. Faculty of Islamic Civilization, Universiti Teknologi Malaysia.
- Kamarulzaman Abdul Ghani (2010), Kebolehan Bacaan Buku Teks Bahasa Arab Tinggi Tingkatan Empat di Sekolah-Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Tesis Doktor Falsafah Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Koh Boh Boon (1981), Pengajaran Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Nik Mohd Rahimi dan rakan-rakan (1999), *Turuq Tadris al-Lughah al-'Arabiyyah*. Bangi: UKM.
- Nor Syazwani Armuji & Zamri Arifin (2014), Pembelajaran Balaghah di Peringkat Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) Di Selangor. Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nur Aisyah Fadil (2005), Pembangunan Aplikasi Multimedia. (nota kuliah). Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi Multimedia, Universiti Terbuka Malaysia.
- Phillips, R. (1997), *The Developers handbook to Interactive Multimedia: A Practical Guide for Educational Applications*. London: Kogan Page. Ab. Rahman Ahmad & Baharudin Aris. (2003).
- Al-Qasimi, Ali Muhammad (1979), *Ittijahat Hadithah fi Ta'lim al-Lughah al-Lughah al-'Arabiyyah li al-Natiqin bi Lughat Ukhra*. Al-Malik Saud Universiti. Riyadh.
- Raja Hazirah Raja Sulaiman (2014), Keberkesanan Metode Perbandingan Retorika Melayu Dan Arab Untuk Meningkatkan Minat Pelajar Dalam Pembelajaran Balaghah. Universiti Sultan Zainal Abidin.
- Raja Hazirah Raja Sulaiman (2012), Penggunaan Balaghah Dalam Kalangan Pelajar IPT. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Al-Raqib, Muhammad Hamdan (2014), *I'dad manahij ta'lim al-lughah al- arabiyyah li al-Natiqin bi ghairihā wa ikhrajihā*. (Online) Available: <http://www.alukah.net/library/0/79801/> (accessed on April 20, 2016).
- Shuhaida Hanim Mohamad Suhane (2014), Kepentingan Memperkenalkan Model Strategi Pengajaran Balaghah Peringkat IPT di Malaysia. Universiti Sultan Zainal Abidin (UNISZA).
- Sohair Abdel Moneim Sery (1999), Perintis ke Arah Memberi Nafas Baru kepada Ilmu Balaghah. Jabatan Pengajian Arab dan Tamadun Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Zulkhairi M. Abd Hamid (2012), Reka Bentuk Perisian Pembelajaran Balaghah Arab Peringkat Sekolah Menengah. Disertasi Sarjana Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.